

Headline	TNB minta penduduk jangan panik		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)	Language	Malay
Date	14 Jan 2017	Readership	60,000
Circulation	20,000	Page No	46
Section	NEWS	Journalist	N/A
ArticleSize	109 cm ²		
PR Value	RM 2,292		



TNB minta penduduk jangan panik

KUALA ROMPIN – Penduduk di seluruh kawasan Leban Chondong hingga Pontian dan Felda Selendang diminta supaya tidak panik berkenaan notis pemberhentian atau gangguan se mentara bekalan elektrik, esok.

Notis yang tersebar di media sosial itu menyatakan, pem berhentian atau gangguan se mentara bekalan elektrik akan berlaku bermula jam 10 pagi hingga 6 petang bagi tujuan ker ja penyelenggaraan alat suis di Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Rompin.

Pengurus Cawangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Rompin, Mohd Sauqi Samsudin berkata, notis itu hanya sebagai maklumkan agar penduduk di kawasan terlibat bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan



MOHD SAUQI

sepanjang tempoh kerja-kerja pe nyelenggaraan dilakukan.

"Kerja-kerja dinyatakan dalam notis berkenaan akan berlangsung selama dua hari, iaitu bermula jam 10 pagi esok (hari ini) sehingga jam 6 petang Ahad ini (esok). Bekalan elektrik ada sepanjang dua hari kerja-kerja tersebut dilaksanakan.

"Kerja-kerja penyelenggaraan kali ini tidak sama seperti dilaksanakan pada Julai dan November tahun lalu yang memerlukan bekalan elektrik dihentikan. Jadi penduduk terlibat tidak perlu panik," katanya, semalam.

Tambahnya, sekiranya terdapat sebarang masalah atau pertanyaan, penduduk boleh berhubung atau datang terus ke pejabat TNB berhampiran.